Bahasa Itali

Bahasa Itali (*italiano* (bantuan·maklumat) atau *lingua italiana*) adalah bahasa Romawi yang dituturkan oleh hampir 63 juta orang, terutamanya di negara Itali dan Switzerland yang mejadikan bahasa ini sebagai bahasa rasmi. Piawaian bahasa Itali dipengaruhi kuat oleh dialek Tuscan dan berada di antara bahasa Italo-Dalmatian dari Mezzogiorno (selatan Itali) dan bahasa Gallo-Itali dari bahagian utara Itali.[1]

Seperti banyak bahasa yang ditulis menggunakan abjad Latin, bahasa Itali mempunyai konsonan berganda. Bagaimanapun, berbanding dengan konsanan berganda bahasa Perancis , di dalam bahasa Itali, konsonan berganda itu adalah untuk sebutan panjang. Seperti dalam kebanyakan bahasa Romawi yang lain kecuali bahasa Perancis, corak sebutan pic adalah berbeza.

Diantara bahasa-bahasa Romawi, bahasa Itali umumnya dianggap sebagai bahasa yang paling mirip dengan bahasa Latin dari segi kosa kata, melalui bahasa Romania yang memelihara sistem deklensi dari bahasa Latin purba sementara bahasa Sardinia adalah paling konservatif dari segi fonologi.[2]

Isi kandungan

Sejarah
Contoh bahasa
Klasifikasi
Teks contoh
Rujukan
Pautan luar

Sejarah

Sejarah bahasa Itali amat panjang, tetapi piawaian moden bahasa ini banyak dibentuk dari peristiwa-peristiwa yang agak baru. Sumber teks terawal yang masih wujud dan boleh digelar sebagai Bahasa Itali

Bahasa Itali

Italiano

Wilayah	Itali, Malta, Argentina, Uruguay, Somalia, Brazil, Libya, Habsyah, dan berbagai negara lain di Eropah dan Amerikas
Penutur asli	60-65 juta (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Indo-Eropah ▪ Italik ▪ Romawi ▪ Italo-Barat ▪ Italo-Dalmatian ▪ **Bahasa Itali**

Status rasmi

Bahasa rasmi di	Itali, Kesatuan Eropah, Switzerland, San Marino, Slovenia, Somalia (bahasa kawasan), Kota Vatican, mukin Istria dari Croatia
Dikawal oleh	Accademia della Crusca

Kod bahasa

ISO 639-1	`it`
ISO 639-2	`ita`

[[File:

Peta Dunia Italofon

(berbanding dengan bahasa sebelumnya iaitu "Latin Kasar" merupakan teks guaman dari daerah Benevento yang bertarikh dari 960-963.

Contoh bahasa

|300px]]

Pengagihan lokasi geografi untuk bahasa Itali di Eropah.

Wikipedia ***Bahasa Itali***, ensiklopedia bebas

Wikibook mempunyai maklumat lanjut berkenaan topik: ***Bahasa Itali***

Carilah ***Italian*** dalam Wiktionary, kamus bebas.

Bahasa Melayu	Bahasa Itali
Bahasa Itali	***italiano***
Bahasa Inggeris	***inglese***
Ya	*Sì*
Tidak	*No*
Hello!	*Ciao (tidak rasmi) / Salve / Buon giorno!*
Apa khabar?	*Come stai? (tidak rasmi) / Come sta? (rasmi)*
Selamat petang!	*Buona sera!*
Selamat datang!	*Prego! / Benvenuto!*
Selamat malam!	*Buona notte!*
Selamat tinggal!	*Arrivederci!*
Tolong	*Per piacere / Per favore*
Terima kasih	*Grazie*
Sama-sama	*Prego*
Maafkan saya	*Mi dispiace*/*Mi scusi* (rasmi)/*Scusa*(tidak rasmi) / *desolato* (bagi lelaki) / *desolata* (bagi wanita)
Siapa?	*Chi?*
Apa?	*Che Cosa? / Cosa? / Che?*
Bila?	*Quando?*
Di mana?	*Dove?*
Kenapa?	*Perché?*
Siapa nama awak?	*Come ti chiami?* (tidak rasmi), *Come si chiama?*(rasmi)
Sebab / kerana	*Perché*
Bagaimana?	*Come?*
Berapa harganya?	*Quanto?*
Saya tidak faham	*Non capisco. / Non ho capito.*
Ya, saya faham	*Sì, capisco. / Ho capito.*
Tolong!	*Aiuto!*
Di manakah bilik air?	*Dove sono i bagni?*
Adakah anda bertutur bahasa Inggeris?	*Parla inglese?*(rasmi)/*Parli inglese?*(tidak rasmi) /*Parlate inglese? (ramai)*
Sekali lagi	*di nuovo*
Selalu	*sempre'*
Aku cinta padamu	*Ti amo'*

Kiraan hingga sepuluh:

- Satu : *uno* /ˈuno/
- Dua: *due* /ˈdue/
- Tiga: *tre* /tre/

- Empat: *quattro* /ˈkwattro/
- Lima: *cinque* /ˈʧiŋkwe/
- Enam: *sei* /ˈsɛi/
- Tujuh: *sette* /ˈsɛtte/
- Lapan: *otto* /ˈɔtto/
- Sembilan: *nove* /ˈnɔve/
- Sepuluh: *dieci* /ˈdjɛʧi/

Hari dalam seminggu:

- Isnin: *lunedì* /lune'di/
- Selasa: *martedì* /marte'di/
- Rabu: *mercoledì* /merkole'di/
- Khamis: *giovedì* /dʒove'di/
- Jumaat: *venerdì* /vener'di/
- Sabtu: *sabato* /ˈsabato/
- Ahad: *domenica* /do'menika/

Klasifikasi

Bahasa Itali berkait rapat dengan dua lagi bahasa Italo-Dalmatian, iaitu bahasa Sicily and bahasa Dalmatian yang kini sudah tidak digunakan lagi (Bahasa lama negara Republik Croatia). Ketiga-tiga bahasa ini adalah sebahagian dari bahasa barat-Italo, yang diletakkan di dalam sub kumpulan bahasa di dalam rumpun bahasa Indo-Eropah.

Teks contoh

- Teks contoh bahasa Itali (http://etcweb.princeton.edu/dante/pdp/)

Gospel Reading

0:00

Terjemahan dari Gospel dalam bahasa Itali

Masalah mendengarkan ? Sila lihat bantuan media.

Rujukan

1. Simone 2010
2. Berloco 2018

Bibliografi

- Berloco, Fabrizio (2018). *The Big Book of Italian Verbs: 900 Fully Conjugated Verbs in All Tenses. With IPA Transcription, 2nd Edition* (https://books.google.com/books?id=DYynDwAAQBAJ&pg=PA3#v=onepage&q&f=false). Lengu. ISBN 9788894034813.
- Palermo, Massimo (2015). *Linguistica italiana*. Il Mulino. ISBN 9788815258847.
- Simone, Raffaele (2010). *Enciclopedia dell'italiano*. Treccani.

Pautan luar

- Bahasa Itali (http://web.archive.org/20080416005407/www.geocities.com/wanderingleopard/italian.html)

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Itali&oldid=4665020"

Laman ini kali terakhir disunting pada 06:37, 4 November 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.